

29 JAN 1999

Ibrahim-Suruhanjaya

IBRAHIM ALI SELAR PEMBANGKANG DAN NGO

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali hari ini menyelar sikap DAP dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), yang mempertikaikan kepada siapa laporan Suruhanjaya Penyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim harus diserahkan.

Katanya, setelah kerajaan memenuhi kehendak banyak pihak agar suruhanjaya itu ditubuhkan, kini timbul pula isu bahawa laporan suruhanjaya itu patut diserahkan terus kepada Yang di-Pertuan Agong dan tidak kepada Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, seperti yang diumumkan.

Sambil menyifatkannya sebagai gimik politik oleh DAP, Ibrahim berkata, rakyat harus yakin kepada suruhanjaya tersebut, yang antara lain, akan menyiasat siapa yang mencederakan Anwar semasa berada dalam tahanan polis.

Penubuhan Suruhanjaya Penyiasat itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiga hari lepas.

Suruhanjaya itu dianggotai bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin selaku ketua, bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar dan pakar bedah ortopedik Datuk Dr Yeoh Poh Hong, manakala bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman pula akan bertindak selaku ketua penyiasat.

Semalam, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang, Presiden Aliran P. Ramakrishnan dan penasihat undang-undang Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Meenakshi Raman mempersoalkan kenyataan Dr Mahathir bahawa hasil siasatan suruhanjaya itu akan dikemukakan kepada Mohtar untuk tindakan lanjut.

Selain mencadangkan agar laporan hasil siasatan itu dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong, Lim juga berpendapat bahawa Mohtar tidak harus terbabit dalam suruhanjaya berkenaan.

Ibrahim berkata Lim tidak ikhlas dan sengaja menimbulkan isu itu bagi mendapatkan "political mileage" bagi dirinya sedangkan dia (Lim) sendiri gagal untuk membawa keadilan dalam parti yang diterajunya.

Menjawab soalan lain, Ibrahim, yang bertanggungjawab terhadap portfolio undang-undang berkata, beliau tidak tahu bila Yang di-Pertuan Agong akan mengurniakan watakah pelantikan kepada anggota-anggota suruhanjaya berkenaan, tetapi yakin ianya akan dilakukan secepat mungkin.

Ibrahim berkata soal bidang kuasa suruhanjaya itu dan sama ada siasatan yang dijalankan akan dibuka kepada umum akan ditentukan oleh suruhanjaya berkenaan.

Sementara itu, Majlis Peguam dan anggota Parlimen Jelutong Karpal Singh meminta agar siasatan itu dibuka kepada umum.

Presiden Majlis Peguam Datuk Dr Cyrus V Das berkata hasil siasatan suruhanjaya itu harus diumumkan kepada awam.

Bidang kuasa suruhanjaya itu harus memastikan ia diberi kuasa untuk mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab terhadap kecederaan Anwar, dan membuat cadangan supaya perkara seumpama itu tidak berulang, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Das berkata suruhanjaya itu harus mengambil peluang ini untuk membuat cadangan berkaitan keganasan seumpama itu dan memberikan garis panduan untuk membanterasnya.

Beliau berkata garis panduan itu, umpamanya mencatatkan masa dan tempat seseorang tahanan, dan anggota polis yang menyoal harus memakai tag nama dan boleh dikenali oleh tahanan.

Karpal, dalam kenyataan yang berasingan berkata suruhanjaya itu harus

bertindak tanpa bimbang dan ragu.

Beliau berkata dalam kes ini, berkemungkinan anggota polis pangkat tinggi terlibat dalam kecederaan Anwar, memandangkan tiada "polis pangkat rendah" yang berani mencederakan seorang bekas timbalan perdana menteri.

Karpal berkata Kabinet telah mengambil langkah betul dengan memberikan suruhanjaya itu tempoh 14 hari untuk menyiapkan siasatan, demi kepentingan awam, mereka yang bertanggungjawab melakukan kecederaan itu harus dihukum.

-- BERNAMA

RA ahh RI